

28/07/2002

Pusat peranginan idaman

Jamhariah Jaafar

DARI jauh mata sudah tertumpu kepada bangunan yang bersalut pelbagai warna meriah - merah, kuning, biru, hijau dan oren. Begitu ceria sekali adunan warna yang dicat sehingga ramai yang tidak menyangka ia adalah sebuah hotel dan lebih mengagumkan ia adalah hotel terbesar dan paling lengkap di dunia.

Hotel First World yang terletak di pusat peranginan Genting Highlands, sudah tersergam indah sejak dua tahun lalu, namun ia hanya dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Hotel edisi terbaru daripada lima hotel yang sudah pun tersergam indah di puncak Genting, melengkapinya fungsi Genting Highlands, sebagai pusat hiburan keluarga yang lengkap dengan taman tema di luar dan dalam hotel, tempat percutian menarik bagi semua warga dan pusat pelancongan yang turut meletakkan nama Malaysia sebagai destinasi utama di rantau ini.

Hotel First World meliputi dua blok bangunan yang memiliki 6,300 bilik dan boleh memuatkan lebih 12,000 tetamu pada satu-satu masa. Sejak dibuka dua tahun lalu, tetamu yang hadir pasti kagum melihat manusia yang tidak pernah surut dan keadaan semakin menarik ketika cuti sekolah, apabila kereta kabel yang menjadi satu daripada pengangkutan utamanya turut sesak.

Pada pelancaran fasa pertama Disember 2000, sebanyak 1,000 bilik dibuka, sebelum 1,000 lagi dibuka pada pertengahan 2002 dan baki 1,300 bilik dibuka pada akhir 2001.

First World adalah hotel yang lengkap dengan pelbagai kemudahan daripada taman tema dalam hotel, kepada kompleks beli belah, pusat makanan dan dewan persidangan yang boleh digunakan untuk pelbagai majlis.

Bagi tetamu terutama anak-anak, taman tema dalaman menjanjikan pelbagai kemeriahan. Anda boleh melawat Venice dalam masa beberapa minit, sebelum melangkah masuk ke England untuk menikmati secawan teh dan membelok terus ke Universal Walk yang memiliki Times Squarenya sendiri. Berdiri megah di kedua-dua belah laluan yang sama ialah model Statue of Liberty dan Oscar. Bagi pasangan kekasih pula laluan kasih Champs Elysees dan menaiki Gondola Venice, sudah pasti akan menyegarkan semula kasih sayang mereka.

Walaupun semua yang ada di sini adalah model daripada mercu tanda beberapa negara dunia, namun keunikan First World, sudah pasti terpahat dalam ingatan.

Bagi mereka yang lebih aktif pula, hotel ini turut menyediakan pusat bowling dan pelbagai permainan dalaman. Manakala pelbagai acara sukan seperti badminton, tenis, bola tampar dan bola keranjang boleh diadakan di Pavilion First World - sebuah dewan pelbagai guna yang boleh memuatkan sehingga 1,800 penonton.

Presiden Pemasaran Nasional Resort World Bhd, Esa Jaffar, berkata First World dibina di kawasan seluas 50,000 kaki persegi, dengan pelaburan kira-kira RM200 juta.

"Apa yang menarik jika selama ini harga hotel yang mahal menjadi masalah besar kepada mereka berpendapatan sederhana, namun First World menjanjikan harga hotel yang amat menarik," katanya.

Mereka yang berminat boleh menelefon (603) 2718 1118 atau 1-800-18-1118 atau melawat laman web di [www.genting.com.my](http://www.genting.com.my).